

BAB 5

BAB 5

FAKTOR-FAKTOR KELEMAHAN PELAJAR UNIVERSITI DALAM PENTERJEMAHAN TEKS ARAB-MELAYU.

5.0 Pendahuluan

Analisis kesilapan yang dijalankan terhadap kesilapan-kesilapan dalam teks terjemahan dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu dalam bab 4 yang lalu telah menunjukkan banyak terdapat kesilapan yang telah dilakukan oleh ketiga-tiga kumpulan pelajar universiti. Ini dapat dilihat melalui peratusan yang tinggi dalam ketiga-tiga kategori kesilapan yang dibina, iaitu Kesilapan bahasa, Kesilapan Penanda Wacana dan Kesilapan Teknik.

Walaupun mereka melakukan banyak kesilapan dalam terjemahan teks bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu, ini tidak bermakna mereka adalah pelajar-pelajar yang lemah, sebaliknya jika mereka diberi bimbingan dan latihan yang sewajarnya mereka boleh menjadi penterjemah-penterjemah yang berkebolehan dan berkualiter pada masa akan datang. Oleh yang demikian, bab 5 ini akan mendedahkan faktor-faktor kelemahan pelajar-pelajar universiti dalam menterjemah teks-teks bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu dan cara-cara untuk mengatasinya.

5.1 Faktor-Faktor Kelemahan Pelajar Universiti Dalam Penterjemahan Teks Arab –Melayu

Faktor-faktor kelemahan pelajar universiti dalam penterjemahan teks Arab-Melayu ini di perolehi hasil pengamatan penulis secara mendalam terhadap teks-teks terjemahan tersebut. Di samping itu, ia juga turut diperolehi berpandukan kepada hasilan data-data melalui analisis kesilapan yang dilakukan terhadap teks-teks terjemahan tersebut. Antara faktor-faktor kelemahan tersebut ialah:

1. Kelemahan memahami teks-teks Bahasa Arab.
2. Kelemahan menggunakan bahasa Melayu dalam penulisan-penulisan ilmiah.
3. Kelemahan dalam menterjemahkan istilah-istilah Arab.
4. Mempunyai latar belakang ilmiah yang terhad dalam bidang-bidang yang hendak diterjemahkan.
5. Kelemahan dalam memahami konsep dan teori penterjemahan.
6. Kelemahan dalam mengetahui strategi dan proses penterjemahan.
7. Tiada pengalaman dan kurang bimbingan dalam bidang penterjemahan.

5.1.1 Kelemahan Memahami Teks-Teks Bahasa Arab.

Kelemahan ini berdasarkan kepada peratusan yang diperolehi hasil daripada perbandingan dalam kategori kesilapan penterjemahan antara teks-teks. Menurut hemat penulis, peratusan kesilapan yang berhasil didapati agak tinggi berbanding dengan tahap kesukaran teks tersebut. Ini adalah kerana teks-teks tersebut diambil daripada buku Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Lima “*al-Lughah al-Arabiah al-Ittisaliyah Li al-Sanah al-Khamisah*” terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka DBP 1997.

Kelemahan ini berpunca daripada kelemahan dalam aspek perbendaharaan kata dalam bahasa Arab

5.1.2 Kelemahan Menggunakan Bahasa Melayu dalam Penulisan-Penulisan Ilmiah.

Kelemahan dalam aspek ini amat dirasai sekali oleh para pelajar. Hal ini mungkin disebabkan kurangnya penggunaan bahasa Melayu baku di kalangan mereka khususnya dalam penulisan. Tambahan pula, golongan pelajar ini banyak mengambil mata pelajaran dalam bahasa Arab dan bahasa Inggeris menyebabkan penggunaan bahasa Melayu baku mereka agak terbatas. Di samping itu, para pelajar tidak bergiat dengan aktif dalam menghasilkan tulisan-tulisan ilmiah yang menyebabkan mereka banyak melakukan kesilapan ketika menterjemahkan teks-teks Arab ilmiah dalam pelbagai bidang seperti sastera, geografi, sains, teknologi dan sebagainya.

Sementara itu, kelemahan menggunakan bahasa Melayu baku dapat dilihat dengan jelas apabila para pelajar telah melakukan kesilapan pada ejaan, kesilapan penggunaan kata, struktur ayat dan sebagainya. Contoh kesilapan ejaan seperti menggunakan huruf ringkas pada perkataan “*yg*” bermaksud “*yang*”, “*drpd*” bermaksud “*dari pada*”, “*M’sia*” bermaksud “*Malaysia*” dan sebagainya. Manakala contoh bagi kesilapan penggunaan kata seperti menggunakan perkataan “*dari*” untuk orang dan asal sesuatu kejadian dan menggunakan perkataan “*daripada*” untuk tempat dan arah.

5.1.3 Kelemahan Dalam Menterjemah Istilah-Istilah Arab.

Melalui dapatan kajian yang diperolehi, Kesilapan Teknik mencatatkan peratusan yang tertinggi berbanding kesilapan-kesilapan lain. Ia meliputi hampir separuh daripada jumlah keseluruhan kesilapan dalam kajian ini. Ini menunjukkan tahap pengetahuan pelajar terhadap teknik-teknik terjemahan berada di tahap yang lemah.

Di dalam teks terjemahan, penulis sering kali menemui kata bahasa Melayu yang tidak dipadankan dengan bahasa Arab dengan tepat seperti frasa الرؤية المستقبلية

٢٠٢٠ telah diterjemahkan dengan “*dalam bidang penulisan pada masa hadapan tahun 2020*” sedangkan frasa ini sinonim dengan frasa dalam bahasa Melayu, iaitu “*wawasan 2020*”. Contoh lain pula ialah frasa بجامعة العلوم الماليزية diterjemahkan kepada “*pusat pengajian tinggi*”, sedangkan ia adalah nama khas bagi salah sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia, iaitu “*Universiti Sains Malaysia*”.

5.1.4 Mempunyai Latar Belakang Ilmiah Yang Terhad Dalam Bidang-Bidang Yang Hendak Diterjemahkan.

Mempunyai Latar belakang ilmiah yang luas dalam bidang-bidang yang hendak diterjemahkan seperti sastera, sejarah, geografi, kimia, biologi, perubatan, kejuruteraan dan sebagainya adalah syarat utama bagi menghasilkan terjemahan yang bermutu tinggi. Ini adalah untuk mengelak daripada bercampur aduk antara istilah-istilah khusus yang terdapat dalam teks sumber dengan istilah-istilah khusus yang

terdapat dalam bidang-bidang yang berkaitan. Berdasarkan analisis kesilapan yang dijalankan, dapatan kajian menunjukkan para pelajar telah melakukan kesilapan-kesilapan ketika memadankan istilah-istilah khusus.

Pada kebiasaannya, para pelajar akan meninggalkan sesuatu perkataan yang tidak difahaminya (tidak menterjemahkan perkataan tersebut) atau cuba menjelaskannya dalam bentuk huraian yang kadang-kadang menyimpang daripada maksud asal dalam teks sumber. Hal ini disebabkan penguasaan dan pembacaan yang terhad. Contohnya, pelajar biasanya akan menghadapi masalah ketika menterjemahkan istilah-istilah khusus seperti *الْعَصْفُرِيَّاتُ* dengan maksud “*burung-burung*” yang bersifat umum, sedangkan perkataan ini khusus untuk menerangkan “*jenis (spesis) burung-burung kecil*”. Ia berbeza dengan perkataan *الطُّيُورُ* yang merujuk kepada semua jenis burung sama ada besar atau kecil dan terbang jauh atau dekat. Begitu juga dengan perkataan *السَّنَادِلُ* bermaksud “*sejenis mengkarung air yang boleh hidup di darat dan di air*”, *الْبَلْشُونُ* bermaksud “*sejenis burung bangau*” *الصُّقُورُ* bermaksud “*burung helang*” dan sebagainya. Perkataan-perkataan di atas amat jarang ditemui kecuali apabila para pelajar membaca rencana-rencana yang berkaitan dengan haiwan-haiwan. Begitu juga dalam bidang-bidang lain.

5.1.5 Kelemahan Dalam Memahami Konsep Dan Teori Penterjemahan.

Kelemahan tidak memahami konsep dan teori penterjemahan, definisi penterjemahan dan teori makna (semantik) dalam penterjemahan menyebabkan para

pelajar hanya menganggap bidang penterjemahan sebagai proses pengalihan bahasa semata-mata, sedangkan ia lebih daripada itu. Para pelajar harus memahami penterjemahan sebagai proses pemindahan dan pertukaran pelbagai idea dari bahasa sumber ke bahasa sasar. Ia juga sebagai proses pembinaan dan penghasilan semula teks. Ini bermakna, proses pemindahan unsur-unsur linguistik dan kebudayaan daripada bahasa sumber ke bahasa sasar akan berlaku dalam penterjemahan.

Begitu juga dengan teori makna (semantik). Menerusi teks-teks terjemahan yang dianalisis, penulis berpendapat tiada langsung pertimbangan semantik dalam terjemahan mereka. Hal ini terjadi disebabkan oleh tiada pengetahuan dan pendedahan yang diberikan kepada mereka dalam aspek penterjemahan.

5.1.6 Kelemahan dalam Mengetahui Strategi Dan Proses Penterjemahan.

Kelemahan ini amat jelas dilihat melalui teks-teks terjemahan para pelajar, terutamanya pada peringkat penyuntingan. Kebanyakkan pelajar tidak menyunting bahan terjemahan mereka setelah selesai kerja penterjemahan dijalankan. Hal ini dapat dikesan melalui jumlah kesilapan bahasa yang tinggi terutamanya kesilapan ejaan dan kesilapan struktur ayat. Apa yang lebih mendukacitakan ialah terdapat pelajar yang menterjemahkan teks-teks bahasa Arab tersebut secara tergesa-gesa, malah terdapat di kalangan mereka yang meniru hasil terjemahan pelajar lain. Ini dapat dibuktikan dengan struktur ayat dan kesilapan yang sama di kalangan mereka.

Para pelajar seharusnya membaca teks bahasa Arab yang hendak diterjemahkan secara menyeluruh beberapa kali sehingga maksud teks tersebut dapat dikuasai. Sekiranya terdapat perkataan yang tidak difahami, para pelajar seharusnya

merujuk kepada kamus atau glosari istilah. Selepas itu, proses penterjemahan boleh dijalankan mengikut ayat yang telah dipecah-pecahkan. Ayat-ayat yang telah diterjemahkan perlu digabungkan antara satu sama lain dengan meletakkan penanda wacana yang betul. Seterusnya para pelajar mesti membaca semula teks secara menyeluruh dengan tujuan untuk memastikan maksud sebenar teks terpelihara dan mencari kesilapan tatabahasa. Selain itu, perbuatan mentafsir, menghurai, meringkas, memendekkan ayat serta memutar-belitkan makna hendaklah dijauhkan sema-sekali. Sekiranya langkah-langkah di atas diikuti dengan sepenuhnya, maka para pelajar mampu menghasilkan karya terjemahan yang baik.

5.1.7 Tiada Pengalaman Dan Kurang Bimbingan Dalam Bidang Penterjemahan.

Hal ini dapat dilihat melalui hasil terjemahan yang tidak berkesinambungan antara ayat, maksud yang kurang tepat dan isi kandungan yang tidak dapat difahami. Menurut tinjauan penulis, pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, pelajar Kuliah Ilmu Wahyu Dan Warisan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan pelajar-pelajar Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (kecuali pelajar-pelajar yang mengambil pengkhususan Bahasa Dan Kesasteraan Arab) tidak pernah terdedah dengan kursus-kursus penterjemahan. Ini dapat dilihat tiada langsung kursus penterjemahan ditawarkan kepada mereka.

Di samping itu, pelajar-pelajar juga tidak mengetahui peranan yang boleh dimainkan oleh bidang penterjemahan dalam menyebarkan maklumat terutamanya pengetahuan agama Islam kepada masyarakat, tambahan pula, mereka adalah pelajar-pelajar aliran agama (syariah, usuluddin). Usaha-usaha Untuk mempertingkatkan

pelajar aliran agama (syariah, usuluddin). Usaha-usaha Untuk mempertingkatkan kefahaman Islam tidak akan berjaya sekiranya mereka tidak menterjemahkan teks-teks tersebut ke dalam bahasa Melayu dengan baik sama ada secara bertulis atau dalam syarahan dan ceramah. Penulis berpendapat, usaha seperti ini bukan sahaja baik, bahkan merupakan tanggungjawab pelajar-pelajar aliran agama yang mesti dilaksanakan sebagai menyambung amanah para Nabi dan Rasul (a.s).

5.2 Penutup.

Faktor-faktor kelemahan yang terhasil melalui kajian ini merupakan hasil kajian yang sangat bernilai dalam meninggikan mutu penterjemahan Arab-Melayu di kalangan para pelajar. Ia akan dapat mengatasi kelemahan-kelemahan dalam penterjemahan Arab-Melayu dengan lebih berkesan. Kaedah-kaedah dan cara-cara mengatasi kelemahan itu hendaklah segera dirangka bagi melahirkan generasi pelajar yang berwibawa memindahkan ilmu pengetahuan dan maklumat yang bermanfaat ke dalam bahasa Melayu, khususnya dalam bidang penterjemahan Arab-Melayu.